

→ **WARISAN**

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]

# Kerajaan anjur Kongres Budaya tahun depan



Rais bersama Aini (kanan) melawat tapak pameran pada Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.

→ Bermatlamat cari pendekatan pupuk, martabat nilai kemelayuan

Oleh **Faizatul Farhana Farush**  
Khanfarhana.farush@bh.com.my

► Serdang

**K**erajaan akan menganjurkan Kongres Budaya tahun depan, bermatlamat mencari pendekatan terbaik bagi memupuk dan memartabatkan nilai kemelayuan yang semakin pupus di negara ini.

Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim, berkata kongres itu mampu memberi nafas baharu kepada nilai diri bangsa kerana masyarakat Melayu ketika ini dilihat kurang peduli mengenai kebudayaan, bahasa dan seni sendiri.

“Golongan cerdas diperhatikan memiliki pemikiran benak yang merangkumi bahasa Inggeris, malah tulisan Jawi semakin dilupakan dan amalan hidup kita atau apa kita pakai lebih mengikut gaya Barat.

“Kita sudah terlalu lama dibungkus oleh cara hidup moden sehingga kita lupa siapa kita. Orang Melayu perlu memberi perhatian kepada Perkara 160 Perlembagaan Malaysia mengenai adat dan budaya Melayu,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu di Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor

UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris. Program tiga hari bermula semalam itu adalah usaha pihak universiti terbabit bagi memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai sejarah, budaya dan seni Melayu.

### Kerjasama JPM

Pelbagai aktiviti diadakan, antaranya demonstrasi pembuatan keris, seni bela diri, pertunjukan seniman tua Malaysia, sukan rakyat dan pameran serta jualan produk kraf.

Mengulas lanjut kongres itu, Rais berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM), universiti tempatan dan jabatan kerajaan berkaitan.

### Info

### Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu

→ **Tiga hari** bermula 30 September 2016

→ **Waktu penganjuran** 10 pagi-8 malam.

“Pihak lain yang akan terbabit dalam kongres ini adalah orang awam, pakar pendidikan dan individu berkaitan penyebaran agama Islam. Mereka akan membincangkan serta memberi pandangan mengenai segala isu berkaitan,” katanya.

Dalam pada itu, Rais meminta kerajaan mempertimbangkan peruntukan tambahan untuk Jabatan Warisan Negara dalam Bajet 2017 yang akan dibentangkan di Parlimen, bulan ini.

“Peruntukan terbabit memberi dorongan kepada jabatan untuk melaksanakan lebih banyak usaha pemuliharaan, pemuliharaan dan promosi warisan tanah air,” katanya.